


PILIHAN RAYA UMUM PERTAMA

- Pilihan Raya Umum diadakan bagi merintis jalan ke arah kemerdekaan.
- Raja-raja Melayu bersetuju mengadakan pilihan raya bagi memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).
- Pengisytiharan pilihan raya dibuat oleh Sir Donald MacGillivray.

Pelaksanaan Pilihan Raya

- | | |
|---------------------------------|--------------------------|
| (a) Penetapan bilangan ahli MPP | (e) Mengadakan kempen |
| (b) Penentuan sempadan | (f) Hari pengundian |
| (c) Pendaftaran pengundi | (g) Pengiraan undi |
| (d) Penamaan calon | (h) Pengumuman keputusan |



Proses Pilihan Raya

- **Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan. Membentuk 52 kawasan pilihan raya pada 26 April 1954.**
- **Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan pada Ogos 1954.**
- **Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu manakala di Terengganu pada 29 Oktober 1954.**
- **Penamaan calon pada 15 Jun 1955.**
- **Kempen pilihan raya selama 45 hari.**
- **Hari mengundi pada 27 Julai 1955.**
- **Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi dan proses pengiraan undi dilakukan.**
- **Pengumuman keputusan pilihan raya.**

Syarat Menjadi Calon

- Warganegara Persekutuan Tanah Melayu.
- Berumur 21 tahun ke atas.
- Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon.
- Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu

Syarat Menjadi Pengundi

- Warganegara Persekutuan Tanah Melayu.
- Berumur 21 tahun ke atas.
- Individu yang tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh enam bulan terdahulu dari tarikh 17 Oktober 1954 atau 28 Oktober 1954 bagi negeri Terengganu layak untuk memohon sebagai pengundi.